PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 4.9% pada suku kedua

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.9% pada suku kedua 2015 (S1 2015: 5.6%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan (5.7%; S1 2015: 9.6%), dan menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan. Ini membantu mengimbangi sumbangan negatif eksport bersih pada suku kedua. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1% (S1 2015: 1.2%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang 4.6% pada suku kedua 2015 (S1 2015: 7.9%). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta yang berkembang 5.7% (S1 2015: 9.6%), berikutan aktiviti pelaburan dan penggunaan yang terus meningkat. Pertumbuhan **penggunaan swasta** menjadi sederhana kepada 6.4% (S1 2015: 8.8%), apabila isi rumah menyelaraskan perbelanjaan mereka berikutan pelaksanaan GST. Walau bagaimanapun, pertumbuhan upah yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil terus menyokong perbelanjaan pengguna secara keseluruhan. **Pelaburan swasta** mencatat pertumbuhan sebanyak 3.9% (S1 2015: 11.7%), disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam industri berorientasikan eksport.

Perbelanjaan sektor awam meningkat 0.9% pada suku kedua (S1 2015: 2.5%). **Penggunaan awam** mencatat kadar pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.8% (S1 2015: 4.1%), mencerminkan peningkatan lebih kukuh dalam bekalan dan perkhidmatan, dan pertumbuhan berterusan dalam emolumen. Walau bagaimanapun, pertumbuhan **pelaburan awam** bertukar negatif kepada 8.0% (S1 2015: +0.5%) disebabkan oleh kemerosotan dalam pelaburan oleh perusahaan awam berikutan beberapa projek besar yang hampir siap. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk harta tetap kekal positif pada suku tersebut.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar** menjadi sederhana kepada 0.5% pada suku kedua (S1 2015: 7.9%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Mengikut jenis aset, pelaburan disokong terutamanya oleh pertumbuhan pelaburan untuk struktur (5.9%; S1 2015: 9.9%), yang

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.5	5.6	6.6	7.9	4.6	6.2
Sektor Swasta	68.5	7.9	8.4	9.6	5.7	7.6
Penggunaan	*51.8*	*6.5*	*6.7*	*8.8*	*6.4*	*7.6*
Pelaburan	*16.6*	*11.6*	*13.1*	*11.7*	*3.9*	*7.5*
Sektor Awam	23.0	-1.4	1.0	2.5	0.9	1.7
Penggunaan	*13.6*	*-0.2*	*5.5*	*4.1*	*6.8*	*5.5*
Pelaburan	*9.5*	*-3.2*	*-4.8*	*0.5*	*-8.0*	*-3.7*
Eksport Bersih	9.3	51.7	25.3	-10.2	-10.5	-10.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*76.1*	*8.7*	*8.3*	*-0.6*	*-3.7*	*-2.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.8*	*4.5*	*6.1*	*1.0*	*-2.8*	*-0.9*
KDNK	**100.0**	**6.5**	**6.4**	**5.6**	**4.9**	**5.3**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.6**	**-**	**1.2**	**1.1**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dsb

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	9.2	6.7	4.6	-4.7	4.6	0.0
Perlombongan	9.0	2.1	1.0	9.6	6.0	7.8
Perkilangan	23.0	7.3	7.2	5.6	4.2	4.9
Pembinaan	4.3	10.0	14.5	9.7	5.6	7.7
Perkhidmatan	53.5	6.4	6.5	6.4	5.0	5.7
KDNK Benar	**100.0[1]**	**6.5**	**6.4**	**5.6**	**4.9**	**5.3**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.6**	**-**	**1.2**	**1.1**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

mengimbangi kemerosotan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan (-7.5%; S1 2015: 5.8%).

Pertumbuhan sederhana dalam sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku kedua. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih rendah adalah disebabkan oleh peningkatan lebih perlahan dalam kebanyakan subsektor manakala pertumbuhan sederhana sektor perkilangan adalah disebabkan oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih sederhana. Pertumbuhan sektor perlombongan terjejas terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Sektor pembinaan juga mencatat pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti benar dalam subsektor kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam yang sederhana. Sektor pertanian kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi.

Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.0% pada suku kedua (S1 2015: 6.4%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam kebanyakan subsektor. Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat dengan sederhana sejajar dengan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang lebih rendah berikutan pelaksanaan GST. Subsektor kewangan dan insurans mencatat pertumbuhan yang kecil, terjejas oleh segmen insurans. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan profesional. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan komunikasi data berikutan tawaran pakej yang menarik oleh syarikat telekomunikasi. Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan disokong terutamanya oleh aktiviti berkaitan perdagangan.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**38.4**	**5.2**	**5.6**	**5.7**	**4.8**	**5.3**
Kewangan & insurans	13.7	0.9	1.8	1.9	0.2	1.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	7.9	7.6	7.9	7.6	6.2	6.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.5	4.8	4.8	5.7	5.4	5.5
Maklumat & komunikasi	10.2	9.5	9.8	9.6	9.3	9.5
Perkhidmatan Akhir	**61.6**	**7.1**	**7.1**	**6.8**	**5.1**	**5.9**
Perdagangan borong & runcit	26.9	9.3	8.9	9.8	5.9	7.8
Makanan & minuman dan penginapan	5.1	5.9	6.1	7.3	6.6	6.9
Utiliti	4.8	2.9	3.1	3.7	3.9	3.8
Perkhidmatan Kerajaan	16.5	6.8	7.2	3.9	4.1	4.0
Perkhidmatan lain	8.2	4.3	4.8	4.6	4.7	4.7
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**6.4**	**6.5**	**6.4**	**5.0**	**5.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	100.1	98.5	72.6	71.7	72.2
Indeks Perdagangan Runcit MIER	89.6	88.0	85.4	76.8	81.1
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	96.7	106.3	100.7	84.7	92.7
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	5.9	12.0	-0.8	1.6	0.4
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	4.4	4.4	3.5	2.7	2.7
Jumlah pinjaman terkumpul	9.3	9.3	9.2	9.1	9.1
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	6.4	6.4	9.3	8.2	8.2
Import barangan penggunaan	7.1	11.1	4.4	25.4	15.2
Jumlah jualan kenderaan bermotor	11.2	6.3	5.3	-11.2	-3.3
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	7.2	5.5	12.9	6.0	9.3

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100.0**	**7.3**	**7.2**	**5.6**	**4.2**	**4.9**
Industri berorientasikan eksport	63.6	4.9	6.1	7.0	4.0	5.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	36.4	11.5	9.1	2.8	4.5	3.7
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**7.4**	**7.2**	**5.7**	**4.1**	**4.8**
Industri berorientasikan eksport	**77.6**	**6.1**	**6.5**	**5.1**	**4.3**	**4.7**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**25.0**	**13.5**	**14.0**	**10.7**	**4.7**	**7.6**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	15.1	17.0	-0.2	-6.1	-3.3
Keluaran elektrik	7.6	8.2	7.3	40.5	37.7	39.0
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**52.6**	**2.5**	**2.8**	**2.2**	**4.0**	**3.1**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	-2.1	-0.5	9.9	5.5	7.6
Keluaran petroleum	21.0	-0.5	3.0	2.1	0.9	1.5
Keluaran getah	2.5	-1.6	-0.1	-1.3	7.6	3.1
Pemprosesan di luar estet	6.4	21.4	12.1	-20.2	7.3	-5.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**22.4**	**11.5**	**9.5**	**7.6**	**3.5**	**5.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**4.6**	**3.9**	**6.9**	**2.8**	**4.8**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	6.6	4.0	8.1	2.9	5.4
Keluaran logam yang direka	3.1	0.9	3.7	4.7	2.8	3.7
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.1**	**18.8**	**15.5**	**8.3**	**4.1**	**6.1**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	29.8	24.7	9.2	6.0	7.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	5.4	6.6	5.5	7.5	1.7	4.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih rendah sebanyak 4.2% (S1 2015: 5.6%) disebabkan oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih sederhana. Prestasi industri berorientasikan eksport telah terjejas oleh permintaan global yang lebih lemah, terutamanya terhadap keluaran elektronik dan elektrik. Walau bagaimanapun, prestasi industri berorientasikan dalam negeri mencatat pertumbuhan lebih kukuh disokong oleh prestasi industri kelengkapan pengangkutan yang lebih baik.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan kekal tidak berubah pada

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

suku kedua (78%; S1 2015: 78%). Penggunaan kapasiti industri berorientasikan eksport meningkat sedikit (81%; S1 2015: 80%) lantas mengimbangi penggunaan kapasiti yang lebih rendah dalam industri berorientasikan dalam negeri (71%; S1 2015: 74%).

Pertumbuhan **sektor pembinaan** menjadi sederhana kepada 5.6% pada suku kedua (S1 2015: 9.7%), disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam subsektor kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Pertumbuhan subsektor kediaman yang sederhana disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam projek harta kediaman. Pertumbuhan subsektor bukan kediaman juga lebih perlahan namun kekal kukuh kerana disokong oleh pembinaan bangunan komersial, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Subsektor kejuruteraan awam meningkat pada kadar yang lebih perlahan, memandangkan projek pengangkutan dan utiliti besar telah dan hampir disiapkan. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas menjadi kukuh sedikit, disokong oleh kerja tanah, kerja pembersihan tanah dan kerja tebus guna tanah.

Sektor pertanian kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.6% (S1 2015: -4.7%), berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan **sektor perlombongan** lebih rendah (6.0%; S1 2015: 9.6%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pengeluaran gas asli.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	10.8	15.7	15.1	8.2	11.6
Kediaman	18.1	24.9	19.5	7.8	13.5
Bukan kediaman	14.5	17.1	24.3	15.5	19.8
Kejuruteraan awam	1.8	6.0	4.2	1.5	2.9
Pertukangan khas[1]	9.8	27.5	4.2	7.4	5.7
Kelulusan perumahan	21.4	6.5	-24.2	-3.8[3]	-14.8[4]
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan					
Simen hidraulik	7.2	4.3	20.2	12.8	16.3
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	43.5	40.3	20.9	4.9	12.6
Produk porselin dan seramik lain	17.5	16.4	31.2	21.6	26.1
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	-6.4	-2.0	-13.3	-6.4	-9.9
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	0.9	-1.2	11.0	-3.1	3.6
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	-16.7	-24.5	21.4	46.0	35.4
Pengeluaran	4.4	13.8	3.2	5.7	4.4

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
[3] Apr-Mei 2015
[4] Jan-Mei 2015

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100**	**6.7**	**4.6**	**-4.7**	**4.6**	**0.0**
Tanaman Industri	**62.7**	**8.7**	**4.6**	**-11.0**	**6.2**	**-2.4**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	47.9	12.8	7.8	-11.7	10.4	-0.4
Getah	6.9	-16.1	-13.2	5.0	-5.2	0.8
Tanaman Makanan	**37.3**	**5.0**	**6.2**	**4.0**	**2.5**	**3.3**
Antaranya:						
Perikanan	8.6	-0.5	1.6	4.4	-0.1	2.2
Ternakan	10.8	6.3	7.4	4.3	3.1	3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga malar 2010)	**100**	**2.1**	**1.0**	**9.6**	**6.0**	**7.8**
Pengeluaran						
antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	-	1.8	-0.9	20.4	14.4	17.4
Gas asli	-	1.8	2.0	-1.2	-2.7	-2.0

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi meningkat pada suku kedua

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat 2.2% pada suku kedua 2015 (S1 2015: 0.7%) mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) pada 1 April, yang menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST). Kenaikan harga adalah menyeluruh, dengan kesemua dua belas kategori dalam kumpulan IHP mencatat inflasi yang lebih tinggi pada suku kedua berbanding dengan suku pertama. Sementara itu, harga bagi kategori *pengangkutan* merosot pada kadar yang lebih rendah sebanyak 3.6% pada suku kedua (S1 2015: -7.6%), mencerminkan pelarasan menaik terhadap harga bahan api dalam negeri.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus merosot pada asas tahunan pada suku kedua (S2 2015: -6.1%; S1 2015: -5.4%), didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah bagi kategori *bahan api galian dan pelincir* serta *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran* disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih rendah. Harga komponen berkaitan komoditi terus merosot 19.1% (S1 2015: -16.7%). Sementara itu, harga komponen bukan berkaitan komoditi pula meningkat pada kadar yang secara relatif stabil sebanyak 1.4% pada suku kedua (S1 2015: 1.1%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja pada amnya kekal stabil pada suku kedua[2]. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1% (S1 2015: 3.1%), dan kadar penyertaan tenaga kerja kekal pada 67.6% (S1 2015: 67.7%). Pada suku kedua, guna tenaga disokong oleh pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor borong dan runcit, dan juga pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sementara itu, jumlah pemberhentian pekerja (terdiri daripada pemberhentian pekerja secara bukan sukarela

Penunjuk Pasaran Pekerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S1 2015	S2 2015
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100.0**	**0.7**	**2.2**
Makanan dan minuman bukan beralkohol	30.3	2.5	3.3
Perumahan, air,elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	2.1	2.5
Pengangkutan	14.9	-7.6	-3.6
Lain-lain	32.2	1.6	3.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Berdasarkan data awalan.

dan skim pemisahan sukarela) yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia meningkat kepada 3,688 orang (S1 2015: 3,184 orang). Sebahagian daripada pemberhentian pekerja ini disebabkan oleh langkah penyusunan semula korporat oleh beberapa syarikat besar pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pekerja pada amnya berterusan pada suku kedua, seperti ditunjukkan oleh pertambahan iklan jawatan baharu dalam Jobstreet.com kepada 70,434 jawatan (S1 2015: 63,312 jawatan), kebanyakannya didorong oleh peningkatan permintaan terhadap pekerja dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan.

Pertumbuhan upah, seperti yang dicerminkan oleh agregat upah benar sektor perkilangan, terus berkembang walaupun pada kadar sederhana sebanyak 2.3% (S1 2015: 5.3%). Pertumbuhan upah disokong terutamanya oleh kenaikan upah dalam industri berorientasikan eksport.

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku kedua

Akaun semasa terus mencatat lebihan sebanyak RM7.6 bilion pada suku kedua,

Imbangan Pembayaran[1]

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	**15.0**	**34.5**	**10.0**	**7.6**	**17.6**
(% daripada PNK)	*5.7*	*6.6*	*3.7*	*2.7*	*3.2*
Barangan	27.3	58.5	27.5	23.3	50.9
Perkhidmatan	-1.6	-2.1	-3.8	-4.6	-8.3
Pendapatan primer	-8.0	-14.5	-8.5	-5.1	-13.6
Pendapatan sekunder	-2.8	-7.4	-5.3	-6.0	-11.3
Akaun Kewangan	**-11.0**	**-49.2**	**-29.7**	**2.3**	**-27.4**
Pelaburan langsung	-3.8	-18.3	-1.2	-3.9	-5.2
Aset	*-16.5*	*-37.1*	*-9.8*	*-17.8*	*-27.6*
Liabiliti	*12.7*	*18.8*	*8.6*	*13.9*	*22.4*
Pelaburan portfolio	7.2	-7.0	-7.9	-11.8	-19.6
Aset	*-10.4*	*-18.0*	*-7.4*	*-8.1*	*-15.4*
Liabiliti	*17.6*	*10.9*	*-0.5*	*-3.7*	*-4.2*
Derivatif kewangan	0.2	-1.3	0.0	-0.4	-0.4
Pelaburan lain	-14.5	-22.6	-20.6	18.4	-2.1
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-5.0	-3.6	4.0	-0.3	3.7
Imbangan Keseluruhan	**-1.0**	**-18.3**	**-15.7**	**8.5**	**-7.2**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian ST1 2015 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**14.4**	**12.5**	**-2.5**	**-3.7**	**-3.1**
Perkilangan	79.5	13.8	13.2	0.1	2.2	1.2
E&E	*35.2*	*13.0*	*12.7*	*6.9*	*3.1*	*4.9*
Bukan E&E	*44.3*	*14.4*	*13.5*	*-4.7*	*1.4*	*-1.6*
Berasaskan sumber	*22.4*	*15.1*	*12.0*	*-12.3*	*-5.5*	*-8.9*
Bukan berasaskan sumber	*21.9*	*13.7*	*15.2*	*4.7*	*9.4*	*7.1*
Komoditi	19.9	16.7	10.9	-10.4	-22.9	-16.7
Mineral	*11.5*	*25.2*	*16.0*	*-6.9*	*-35.8*	*-21.4*
Pertanian	*8.4*	*5.6*	*3.9*	*-15.9*	*-2.7*	*-9.3*
Import Kasar	**100.0**	**8.5**	**7.1**	**0.2**	**-5.2**	**-2.6**
Barangan pengantara	59.1	2.6	3.4	3.0	-4.6	-0.9
Barangan modal	14.3	8.4	0.9	8.4	-12.6	-2.7
Barangan penggunaan	8.8	7.1	11.1	4.4	25.4	15.2
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	17.7	31.5	23.3	-15.0	-12.9	-13.9
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**18.5**	**44.8**	**21.3**	**20.4**	**41.7**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

bersamaan dengan 2.7% daripada PNK (S1 2015: RM10.0 bilion atau 3.7% daripada PNK). Lebihan yang besar ini disebabkan oleh lebihan akaun barangan, dalam keadaan defisit yang lebih rendah akaun pendapatan primer.

Pada suku kedua 2015, eksport dan import kasar mencatat penguncupan masing-masing sebanyak 3.7% dan 5.2%, (S1 2015: masing-masing -2.5% dan +0.2%). Penurunan eksport kasar disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport komoditi dan produk perkilangan berasaskan sumber, manakala pertumbuhan import kasar terjejas oleh prestasi yang lebih lembap dalam semua kategori import, kecuali import penggunaan. Dengan itu, lebihan perdagangan berjumlah RM20.4 bilion (S1 2015: RM21.3 bilion).

Eksport komoditi terus merosot disebabkan terutamanya oleh harga komoditi utama yang lebih rendah. Yang ketara, eksport mineral terjejas khususnya oleh penurunan harga LNG yang besar, mencerminkan kesan sela penentuan harga antara harga LNG dengan minyak. Pertumbuhan eksport perkilangan disokong oleh pertumbuhan produk elektronik dan perkilangan bukan berasaskan sumber. Meskipun keluaran elektrik merosot, pertumbuhan eksport E&E berkembang pada kadar yang lebih cepat disebabkan oleh permintaan untuk separa konduktor serta

peralatan elektronik dan komponen yang lebih tinggi. Eksport produk perkilangan bukan berasaskan sumber kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada S2 2015, disokong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan eksport jentera dan peralatan yang berterusan serta permintaan untuk keluaran logam yang lebih kukuh. Dari segi destinasi, eksport ke AS dan RR China terus meningkat, manakala eksport ke rantau ini merosot, mencerminkan eksport yang lebih rendah ke Hong Kong, Korea, Chine Taipei dan kebanyakan ekonomi ASEAN pada suku kedua.

Pertumbuhan import kasar merosot pada suku kedua 2015, mencerminkan penurunan menyeluruh kategori import utama, kecuali import penggunaan. Pertumbuhan import barangan pengantara yang lemah disebabkan terutamanya import bekalan industri dan input berkaitan bahan api yang lebih rendah, manakala penguncupan import modal adalah selaras dengan pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih sederhana berikutan import kelengkapan pengangkutan yang lebih rendah. Sementara itu, aktiviti eksport semula kekal lemah dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah pada suku kedua. Namun begitu, import penggunaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna yang lebih tinggi, yang terdiri daripada pelbagai barangan tahan lama hingga barangan tidak tahan lama.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih tinggi berjumlah RM4.6 bilion pada suku kedua (S1 2015: -RM3.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan yang lebih rendah dalam keadaan pembayaran perkhidmatan yang lebih besar. Meskipun pengurangan penerimaan perjalanan disebabkan oleh ketibaan pelancong yang lebih rendah, pembayaran yang lebih tinggi terutamanya adalah untuk perkhidmatan berkaitan perdagangan dan pelaburan, seperti pengangkutan, telekomunikasi, pembinaan dan perkhidmatan lain.

Akaun pendapatan primer terus mengecil kepada RM5.1 bilion pada suku kedua (S1 2015: -RM8.5 bilion), mencerminkan terutamanya hasil pendapatan pelaburan bersih yang lebih tinggi. Pada suku kedua, pendapatan pelaburan yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri adalah lebih tinggi, khususnya dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan. Pendapatan yang terakru kepada pelabur langsung asing adalah mampan. Sementara itu, pembayaran bersih yang lebih tinggi dalam akaun pendapatan sekunder (-RM6.0 bilion; S1 2015: -RM5.3 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengiriman wang keluar yang lebih tinggi, khususnya oleh pekerja asing berikutan musim perayaan.

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih RM2.3 bilion (S1 2015: -RM29.7 bilion),

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian ST1 2015 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**9.2**	**13.4**	**8.9**	**14.9**	**4.0**	**9.1**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.9**	**15.9**	**17.1**	**1.7**	**4.4**	**3.1**
Jepun	**9.9**	**12.5**	**10.3**	**-2.5**	**-26.8**	**-14.0**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.7**	**13.7**	**8.2**	**-2.3**	**-1.0**	**-1.6**
Timur Laut Asia	**23.9**	**14.7**	**17.3**	**-7.1**	**2.0**	**-2.6**
Republik Rakyat China	*12.6*	*3.3*	*9.2*	*-12.6*	*17.1*	*1.8*
Hong Kong SAR	*5.0*	*41.5*	*38.4*	*7.2*	*-7.9*	*-1.0*
Korea	*3.3*	*10.6*	*13.3*	*-8.9*	*-15.5*	*-11.7*
China Taipei	*3.0*	*28.7*	*28.4*	*-3.8*	*-16.9*	*-11.1*
West Asia[2]	**2.9**	**-9.1**	**-5.2**	**-8.0**	**-10.1**	**-9.1**
India	**4.1**	**18.7**	**14.2**	**12.1**	**-2.9**	**3.9**
Jumlah eksport	**100.0**	**14.4**	**12.5**	**-2.5**	**-3.7**	**-3.1**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan terutamanya oleh aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan yang lain.

Pelaburan langsung mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM3.9 bilion (S1 2015: -RM1.2 bilion), apabila pengumpulan aset pelaburan langsung lebih daripada mengimbangi liabiliti pelaburan langsung.

Dari segi aset, pengumpulan aset asing menyebabkan pelaburan langsung keluar yang lebih tinggi berjumlah RM17.8 bilion (S1 2015: -RM9.8 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Luar Negeri (Direct Investment Abroad, DIA)** adalah sebanyak RM16.4 bilion (S1 2015: -RM11.1 bilion). Sebahagian besar DIA disebabkan oleh pemberian pinjaman jangka panjang oleh syarikat minyak nasional kepada syarikat berkaitannya untuk memudahkan pemerolehan aset berkaitan minyak dan gas di luar negeri. Sementara itu, DIA oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal besar.

Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk meningkat kepada RM13.9 bilion (S1 2015: +RM8.6 bilion). Daripada jumlah ini, Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment, FDI) mencatat aliran masuk yang lebih besar berjumlah RM12.5 bilion (S1 2015: RM9.9 bilion). FDI yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, khususnya untuk pemerolehan aset dalam industri berkaitan petrokimia serta perbelanjaan modal dalam industri elektronik dan keluaran elektrik. Pelaburan yang ketara juga terdapat dalam sektor perkhidmatan serta minyak dan gas.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM11.8 bilion (S1 2015: -RM7.9 bilion). Pada suku kedua, pelaburan portfolio oleh pemastautin berjumlah RM8.1 bilion, apabila pengurus dana mengambil strategi untuk mempelbagaikan aset kewangan di luar negeri bagi meningkatkan pulangan, dalam keadaan pembelian sekuriti hutang oleh institusi kewangan domestik. Pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatat aliran keluar berjumlah RM3.7 bilion, disebabkan terutamanya oleh pelupusan sekuriti ekuiti. Sementara itu, aliran masuk bersih sekuriti hutang yang kecil dicatat oleh bukan pemastautin, apabila penebusan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) yang telah matang diimbangi oleh pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), Bil Perbendaharaan dan terbitan Sukuk Global oleh Kerajaan Malaysia.

Pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih berjumlah RM18.4 bilion (S1 2015: -RM20.6 bilion). Pada suku kedua, sektor perbankan menghantar balik ke negeri asal deposit antara bank yang akan matang yang telah ditempatkan di luar negeri. Pada masa yang sama, terdapat penempatan bersih deposit antara bank oleh institusi kewangan bukan pemastautin ke dalam sistem perbankan domestik. Perniagaan berorientasikan eksport meneruskan pemberian kredit perdagangan kepada rakan perniagaan mereka di luar negeri, lantas menyebabkan aliran keluar bersih dalam sektor bukan bank.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan berjumlah RM8.5 bilion pada suku kedua (S1 2015: -RM15.7 bilion). Kesilapan dan ketinggalan berjumlah -RM0.3 bilion, sebahagiannya mencerminkan penilaian semula pertukaran asing bagi rizab antarabangsa.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia[3] berjumlah RM794.3 bilion, bersamaan dengan USD208.4 bilion atau 68.1% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2015 (akhir bulan Mac: RM768.1 bilion atau USD205.1 bilion, bersamaan dengan 65.9% daripada KDNK). Lebih separuh daripada hutang luar negeri ini adalah bagi tempoh jangka sederhana hingga

[3] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain kepada bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

jangka panjang (57.1%). Dari segi mata wang, kira-kira 40% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang dan deposit dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin. Pada suku kedua, peningkatan hutang luar negeri mencerminkan sebahagiannya kesan penilaian seterusnya berikutan penyusutan nilai ringgit, selain ambilan bersih hutang luar negeri.

Penyusutan nilai ringgit memberikan kesan terutamanya kepada peminjaman luar pesisir yang meningkat 5.1% kepada RM419.9 bilion pada akhir bulan Jun 2015 (akhir bulan Mac: RM399.3 bilion). Namun demikian, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 36% daripada KDNK berbanding dengan 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-98. Kesan penilaian daripada pengukuhan kebanyakan mata wang serantau dan utama berbanding dengan ringgit pada suku kedua

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2014		2015
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun
	RM bilion		
Peminjaman luar pesisir[1]	337.8	399.3	419.9
Bersamaan dengan USD bilion	*104.1*	*106.6*	*110.1*
Jangka sederhana dan panjang	*205.3*	*242.3*	*256.2*
Sektor awam	98.7	117.3	119.4
Sektor swasta	106.6	125.0	136.8
Jangka pendek	*132.6*	*157.0*	*163.6*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	243.8	210.5	209.2
Jangka sederhana dan panjang	*168.1*	*168.6*	*186.4*
Jangka pendek	*75.8*	*41.9*	*22.8*
Deposit bukan pemastautin	84.4	91.3	95.7
Lain-lain[2]	64.2	67.0	69.5
Jangka sederhana dan panjang	*10.0*	*10.9*	*11.0*
Jangka pendek	*54.3*	*56.1*	*58.5*
Jumlah hutang luar negeri	**730.3**	**768.1**	**794.3**
Bersamaan dengan USD bilion	*225.1*	*205.1*	*208.4*
Hutang Luar Negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	66.0	65.9	68.1
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	47.5	45.1	42.9
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.2	1.1	1.1[5]
Hutang Luar Negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	30.5	34.3	36.0
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	39.2	39.3	39.0
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	3.2	2.5	2.2[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan permastautin dan hutang jangka pendek lain.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Julai 2015.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

terkawal apabila peminjaman luar pesisir oleh syarikat, iaitu perusahaan awam dan syarikat swasta bukan bank, sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim menerusi pendapatan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Sebahagian besar daripada peminjaman ialah pinjaman antara syarikat dengan terma yang fleksibel dan kadar yang lebih rendah. Selain itu, peminjaman luar pesisir sektor perbankan sebahagiannya dilindung oleh aset luaran mereka.

Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.1%. Ini sebahagian besarnya mencerminkan ambilan bersih peminjaman luar pesisir yang terutamanya berkaitan dengan operasi pengurusan mudah tunai mata wang asing berpusat oleh sektor perbankan. Terdapat juga ambilan bersih peminjaman luar pesisir, yang terutamanya terdiri daripada pinjaman antara syarikat oleh syarikat swasta bukan bank. Kerajaan Persekutuan juga mencatat ambilan bersih pada suku kedua berikutan terbitan sukuk 10 tahun dan 30 tahun berjumlah USD1.5 bilion. Sebahagian daripada hasil terbitan ini digunakan untuk menebus Sukuk Global 1Malaysia berjumlah USD1.25 bilion yang matang pada suku kedua. Yang ketara, peminjaman luar pesisir terkumpul oleh Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 4.5% daripada jumlah peminjaman luar pesisir dan 1.6% daripada KDNK. Pada suku kedua, terdapat pembayaran semula bersih peminjaman luar pesisir oleh perusahaan awam.

Deposit bukan pemastautin meningkat 4.8% kepada RM95.7 bilion, bersamaan dengan USD25.1 billion pada akhir bulan Jun 2015 (akhir bulan Mac: RM91.3 bilion; USD24.4 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh kesan penilaian deposit dalam denominasi mata wang asing. Tidak termasuk kesan penilaian, deposit bukan pemastautin meningkat 3.8%. Namun demikian, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit bukan pemastautin menurun kepada RM209.2 bilion (akhir bulan Mac: RM210.5 bilion). Penurunan ini

sebahagian besarnya disebabkan oleh pelupusan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) oleh bukan pemastautin, yang sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan pemegangan MGS dan Bil Perbendaharaan oleh bukan pemastautin.

Bahagian hutang luar negeri jangka pendek menurun kepada 42.9% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac: 45.1%), disebabkan terutamanya oleh pemegangan BNMN yang lebih rendah oleh bukan pemastautin. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dengan perlindungan rizab sebanyak 1.1 kali. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan, yang bukan merupakan tuntutan segera terhadap rizab antarabangsa memandangkan hutang ini sebahagiannya dilindungi oleh aset luaran bank yang setara. Selain itu, sebahagian besar baki hutang luar negeri jangka pendek ialah kredit perdagangan yang secara amnya disokong oleh pendapatan eksport.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi bagi memenuhi obligasi antarabangsa

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM398.1 bilion (bersamaan dengan USD105.5 bilion) pada 30 Jun 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 31 Julai 2015, kedudukan rizab berjumlah RM364.7 bilion (bersamaan dengan USD96.7bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa, iaitu 3 bulan. Perlindungan rizab kepada hutang luar negeri ialah 1.1 kali, yang mencukupi bagi

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

sesebuah negara dengan tahap keterbukaan kewangan yang secara relatif tinggi.

Penyusutan rizab antarabangsa telah dijangka dan sesuatu yang lazim apabila aliran keluar modal meningkat secara mendadak. Rizab telah jatuh di bawah paras USD100 bilion sebelum ini, iaitu selepas berlakunya Krisis Kewangan Global dan kekal pada paras tersebut selama hampir dua tahun dari akhir tahun 2008 hingga akhir tahun 2010. Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi bagi memudahkan transaksi antarabangsa tanpa gangguan.

Kedudukan fiskal bertambah baik pada suku kedua disebabkan oleh hasil lebih tinggi dan perbelanjaan lebih rendah

Pada suku kedua 2015, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 1.4% daripada KDNK (S1 2015: -4.2% daripada KDNK). Ini disebabkan oleh peningkatan hasil yang mampan dalam keadaan peningkatan perbelanjaan mengurus yang lebih kecil. Hasil meningkat sebanyak 4.9% (S1 2015: 4.8%), disebabkan terutamanya

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	52.7	101.8	51.5	55.3	106.8
% pertumbuhan tahunan	*2.1*	*6.8*	*4.8*	*4.9*	*4.9*
Perbelanjaan mengurus	51.7	106.9	55.4	51.8	107.3
% pertumbuhan tahunan	*5.2*	*7.9*	*0.4*	*0.2*	*0.3*
Akaun semasa	**0.9**	**-5.1**	**-3.9**	**3.4**	**-0.5**
% daripada KDNK	***0.3***	***-0.9***	***-1.4***	***1.2***	***-0.1***
Perbelanjaan pembangunan bersih	7.0	14.0	7.9	7.3	15.1
% pertumbuhan tahunan	*2.7*	*-10.6*	*13.2*	*3.5*	*8.3*
Imbangan keseluruhan	**-6.1**	**-19.1**	**-11.8**	**-3.8**	**-15.6**
% daripada KDNK	***-2.2***	***-3.5***	***-4.2***	***-1.4***	***-2.8***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	58.7	120.9	63.3	59.1	122.4
% pertumbuhan tahunan	*4.9*	*5.4*	*1.8*	*0.6*	*1.2*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan					
(pada akhir tempoh)	568.9	568.9	596.8	627.5	627.5
% daripada KDNK	*51.4*	*51.4*	*51.2*	*53.8*	*53.8*
Hutang dalam negeri	397.0	397.0	418.9	429.2	429.2
% daripada KDNK	*35.9*	*35.9*	*35.9*	*36.8*	*36.8*
Hutang luar negeri	171.9	171.9	177.9	198.3	198.3
% daripada KDNK	*15.5*	*15.5*	*15.3*	*17.0*	*17.0*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*155.6*	*155.6*	*160.2*	*179.5*	*179.5*
% daripada KDNK	*14.1*	*14.1*	*13.7*	*15.4*	*15.4*
Peminjaman luar pesisir	*16.2*	*16.2*	*17.6*	*18.8*	*18.8*
% daripada KDNK	*1.5*	*1.5*	*1.5*	*1.6*	*1.6*

[a] Awalan

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

oleh kutipan cukai yang lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.2% (S1 2015: 0.4%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk subsidi. Pertumbuhan perbelanjaan pembangunan juga menjadi sederhana kepada 3.5% (S1 2015: 13.2%), dengan sejumlah besar perbelanjaan disalurkan terutamanya kepada sektor sosial, khususnya untuk perumahan dan pendidikan tinggi. Pada akhir bulan Jun 2015, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM627.5 bilion atau 53.8% daripada anggaran KDNK 2015.